



**KOLEJ MATRIKULASI MELAKA**  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
78300 MASJID TANAH,  
**MELAKA.**  
Tel : 06-3832000  
Fax : 06-3847190  
Laman Web: [www.kmm.matrik.edu.my](http://www.kmm.matrik.edu.my)



**CERTIFIED TO ISO 9001:2015**  
**CERT.NO. : QMS 01650**

# PANDUAN LENGKAP PENDAFTARAN PELAJAR KMM

## TINDAKAN SEBELUM HARI PENDAFTARAN

### 1. MUAT TURUN DOKUMEN BMKPM

- Memuat turun dokumen dan mencetak daripada laman sesawang **BAHAGIAN MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** <https://matrikulasi.moe.gov.my> iaitu ;

1. Surat Tawaran (Sila cetak)
2. Panduan Pendaftaran Pelajar SDS/SES
3. Panduan Mengisi Borang Perjanjian
4. BoranG Perjanjian Pelajar PPM/BM.1/99-Pin-3 (Sila Cetak 2 Salinan)
5. Dokumen Peribadi Pelajar (Sila Cetak)
6. Maklumat Pelajar (Sila Cetak)
7. Akuan Persetujuan Ibu/Bapa (Sila Cetak)
8. Pengakuan Bebas Dadah (Sila Cetak)
9. Lampiran Surat Beranak & Kad (Sila Cetak)
10. Borang Pendapatan (Sila Cetak)
11. Akuan Pengesahan Pendapatan (Sila Cetak)
12. Borang Elaun Murid Khas (Sila Cetak Jika Anda Pelajar OKU)
13. Buku Peraturan Pelajar BMKPM
14. Soalan Lazim
15. Borang Senarai Semak Dokumen (Sila Cetak)

## 2. MUAT TURUN DOKUMEN KMM

- Memuat turun dokumen dan mencetak daripada laman sesawang KOLEJ MATRIKULASI MELAKA ([www.kmm.matrik.edu.my](http://www.kmm.matrik.edu.my)) iaitu ;
  1. Panduan Lengkap Pendaftaran Pelajar (Wajib Muat Turun)
  2. Borang KMM 01 (Tampal salinan slip bayaran BSN & No Akaun Bank Rakyat) – Sila cetak
  3. Carta Alir Pendaftaran (Sila cetak)
  4. Pelan Lalulintas Pendaftaran (Sila cetak)
  5. Borang Biodata Pelajar (AS 01/2015) – Sila cetak
  6. Borang Penerimaan Kelengkapan Bilik Pelajar (AS 02/2015) – Sila cetak
  7. Senarai semak (Sila cetak)

## 3. PEMBAYARAN YURAN

- Bawa Surat Tawaran yang telah dimuat turun dan dicetak ke mana-mana kaunter cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN).
- Bayar Yuran Pendaftaran secara “bank in” di mana-mana kaunter cawangan Bank Simpanan Nasional atas nama :  
**KOLEJ MATRIKULASI MELAKA**  
di nombor akaun : 0410029000361946 mengikut jumlah yang telah ditetapkan seperti berikut :-
- Sila Simpan slip pembayaran BSN yang asal.
- Buat beberapa salinan slip bayaran BSN untuk tujuan ditampal di Borang KMM01 dan untuk simpanan pelajar.
- **TIDAK DIBENARKAN** membayar yuran melalui mesin ATM/ Mesin Deposit/ pemindahan secara dalam talian (*Online Transfer*).

- Kadar bayaran yuran pendaftaran seperti berikut :-

Bil	Jurusan	Jumlah
1	JURUSAN SAINS SESI 2020/2021 SISTEM DUA SEMESTER (SDS) & SISTEM EMPAT SEMESTER (SES)	RM599.60
2	JURUSAN PERAKAUNAN SESI 2020/2021	RM546.60
3	TAHUN KEDUA JURUSAN SAINS SESI 2020/2021 SISTEM EMPAT SEMESTER (SES)	RM396.60
4	PELAJAR MENGULANG (SDS) SESI 2020/2021	RM396.60

#### 4. PENDAFTARAN ONLINE & MEMUAT NAIK GAMBAR

- Membuat pendaftaran secara *Online* melalui pautan <http://mis.kmm.matrik.edu.my/online>

**Pelajar Ambilan 1 : bermula 29 Jun 2020 sehingga 10 Julai 2020.**

**Pelajar Rayuan : bermula 15 Julai 2020 sehingga 24 Julai 2020.**

- Memuat naik **gambar formal** berwarna berukuran *passport* semasa membuat pendaftaran secara *online*.
- **Gambar swafoto (*Selfie*) TIDAK DIBENARKAN.**

## 5. MEMBUKA AKAUN BANK RAKYAT BAGI TUJUAN BANTUAN SARA HIDUP PELAJAR (BSHP) JIKA LAYAK

- Membuka akaun di Bank Rakyat bagi tujuan BSHP bagi pelajar yang layak jika belum mempunyai akaun Bank Rakyat.
- Pastikan akaun Bank Rakyat adalah **AKTIF** dan **BUKAN AKAUN BERSAMA.**
- Tampil salinan muka depan dokumen/slip yang tertera no. akaun Bank Rakyat di Borang KMM01 (boleh dimuat turun daripada laman sesawang KMM [www.kmm.matrik.edu.my](http://www.kmm.matrik.edu.my))
- Buat beberapa salinan untuk tujuan simpanan pelajar.

## 6. BORANG PERJANJIAN PENGAMBILAN & PEMBIAYAAN PELAJAR

- Mencetak 2 set Borang Perjanjian daripada Laman Sesawang Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://matrikulasi.moe.gov.my>
- Melengkapkan Borang Perjanjian Pengambilan dan Pembiayaan Pelajar Matrikulasi.
- Sila semak panduan mengisi borang Perjanjian Pengambilan dan Pembiayaan Pelajar dan telah dimuat turun daripada Laman Sesawang Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://matrikulasi.moe.gov.my> dan laman sesawang KMM [www.kmm.matrik.edu.my](http://www.kmm.matrik.edu.my)
- Membeli setem hasil RM10.00 x 2 keping di pejabat Pos atau LHDN.
- Mematikan setem hasil di cawangan pejabat LHDN berdekatan/di Kolej Matrikulasi Melaka semasa minggu suaikenal pelajar baharu.

## 7. *INSTALL APLIKASI TELEGRAM*

- Pihak Kolej Matrikulasi Melaka telah menyediakan satu medium penyampaian maklumat rasmi kepada ibubapa dan pelajar.
- Medium ini bertujuan untuk membolehkan ibubapa dan pelajar mendapat maklumat dari pihak kolej secara terus dan mudah seperti maklumat tentang hari pendaftaran pelajar, takwim kolej, aktiviti pelajar, tarikh peperiksaan, peraturan kolej dan sebagainya.
- Sila ikuti langkah berikut untuk memuatnaik aplikasi tersebut :-
  - *Install* aplikasi Telegram dalam telefon pintar
  - Cari Channel “**Pendaftaran KMM 2020/2021**”
  - Klik “**Join**”
  - Selesai

atau

- Klik pautan <https://t.me/daftarkmm20202021>

## 8. *BANTUAN ZAKAT (JIKA ADA)*

- Sila serahkan 1 salinan surat daripada pejabat zakat sebagai bukti penerima zakat

## 9. *ELAUN MURID KHAS (EMK)*

- Sila buat satu salinan dokumen berikut :-
  - Kad OKU
  - Salinan Kad Pengenalan
  - Salinan no akaun yang aktif
- Serahkan kepada pihak HEP (waktu pejabat)

# **TINDAKAN SEMASA HARI PENDAFTARAN**

## **ARAHAN UMUM**

- Sila patuhi Jadual Tarikh Pendaftaran Pelajar yang dikeluarkan oleh pihak KMM.
  
- Sila berikan kerjasama dengan mematuhi perkara-perkara berikut :-
  - *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh pihak KMM
  
  - Pelan lalulintas semasa hari pendaftaran
  
  - Blok asrama adalah muktamad

# ETIKA PAKAIAN PELAJAR SEMASA HARI PENDAFTARAN

<b>PELAJAR LELAKI</b>	<b>PELAJAR PEREMPUAN</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Kemeja Lengan Panjang Tanpa corak</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Baju Kurung bagi pelajar Islam</li><li>• Baju kemeja labuh lengan panjang bagi pelajar bukan Islam</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Seluar <i>slack</i> panjang berwarna gelap</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kain labuh berwarna gelap bagi pelajar bukan Islam</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Kasut kulit /PVC bertutup</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kasut bertutup PVC berwarna gelap.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Berstoking</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Berstoking</li></ul>